

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
(KUALA KANGSAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2014**

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN  
AHMAD [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN**  
menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menyemarakkan  
ekonomi kreatif dan nilai ekonomi yang dapat dijana dari ekonomi kreatif  
dan apakah kategori utama yang diunjurkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Industri kreatif yang merupakan salah satu komponen dalam Sektor

Perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menjana nilai ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Industri kreatif juga telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang ekonomi utama (NKEA) *Communications Content and Infrastructure* dengan izin di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kategori utama industri kreatif yang telah dikenal pasti untuk dimajukan dibawah ETP adalah:

- i. Perfileman;
- ii. Dokumentari;
- iii. *Mini-series* dengan izin;
- iv. Animasi; dan
- v. Muzik;

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Beberapa langkah spesifik bagi membangunkan industri tersebut telah diumumkan dalam Bajet 2010 dan Bajet 2011.

Langkah dalam Bajet 2010 antaranya:

- i. Penggubalan Dasar Kreatif Nasional yang komprehensif sebagai asas pembangunan industri kreatif negara;
- ii. Penyediaan Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta bagi membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan; dan
- iii. Penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi memastikan kebajikan warga seni sentiasa terbela dan diberi perhatian.

Bajet 2011 pula menyediakan peruntukan RM200 juta untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan dokumentari keluaran tempatan yang berkualiti tinggi.

3. Selain daripada langkah yang telah dinyatakan, Kerajaan juga telah memperkenalkan satu insentif khas di bidang perfileman iaitu Film Incentive (FIMI) dengan izin pada Februari 2013. FIMI adalah insentif kewangan yang memberikan rebat tunai sebanyak 30% ke atas

perbelanjaan produksi yang mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan. Insentif ini bertujuan antara lain untuk:

- i. Menggalakkan syarikat filem tempatan menghasilkan kandungan kreatif (*creative content*) yang bermutu tinggi untuk pasaran tempatan atau luar negara;
- ii. Meningkatkan peluang pekerjaan artis dan krew tempatan; dan
- iii. Membangunkan Malaysia sebagai hab industri kandungan kreatif yang efisien dan efektif

4. Dari aspek pembangunan fizikal pula, industri kreatif merupakan salah satu daripada sembilan kluster ekonomi yang sedang dibangunkan di Iskandar Malaysia. Pembangunan kluster ekonomi ini antara lain telah diterajui oleh pewujudan Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) yang telah menawarkan pelbagai kemudahan studio produksi media bersepadu dan bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari segi nilai ekonomi di bawah ETP, Kerajaan mensasarkan NKEA *Communications Content and Infrastructure* dengan izin akan menyumbang RM57.7 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar dan mewujudkan 43,162 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Dari segi pencapaian terkini, aktiviti kandungan kreatif yang mana prestasinya diukur melalui hasil eksport, ianya telah berjaya menjana RM565 juta pada tahun 2013, termasuk RM109 juta dari sektor animasi dan RM336 juta dari sektor filem, televisyen dan *visual effect* dengan izin. Pada tahun 2014, hasil eksport kandungan kreatif dijangka meningkat lagi mencecah RM600 juta. Berikutan pencapaian yang menggalakkan ini, pendapatan yang dijana daripada industri kreatif secara keseluruhannya telah meningkat kepada RM15 bilion pada tahun 2013, termasuk RM1.27 bilion dari sektor filem, televisyen, animasi dan muzik serta RM12.72 bilion dijana dari sektor pengiklanan dan percetakan. Pencapaian keseluruhan industri kreatif pada tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18% berbanding jumlah pendapatan sebanyak RM12.7 bilion pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada pencapaian dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, saya yakin masa depan industri kreatif adalah cerah termasuk dalam menjana nilai ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ALOR SETAR]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rumah PR1MA yang akan dibina di Alor Setar dan Kedah, daerah-daerah yang dikenalpasti untuk pembangunan, dan juga garis masa untuk menyiapkan projek-projek perumahan PR1MA tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang diketahui umum, YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Pelancaran PR1MA Peringkat Negeri Kedah bertempat di Sungai Petani, Kedah pada 1 Mac 2014 di mana sebanyak 20,000 unit rumah dirancang untuk dibina di negeri Kedah. Sebanyak 12 daerah akan merasai manfaat pembangunan PR1MA iaitu di daerah Sik, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Langkawi, Pendang, Kota Setar, Baling, Padang Terap, Bandar Baharu, Pokok Sena dan Yan. Bilangan rumah-rumah yang akan dibangunkan di setiap daerah adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan terutama sekali faktor kesesuaian tanah dan lokasi. Selain itu, harga rumah PR1MA ditetapkan dengan mengambil kira faktor kemampuan golongan sasaran bagi kawasan setempat yang ingin dibangunkan. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Sekian. Terima kasih.